

TAHAP PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU OLEH MURID-MURID ORANG ASLI SEMAI

*KARIM BIN HARUN**
Universiti Kebangsaan Malaysia
linguist@ukm.edu.my

MOHAMAD HAKIMI BIN MOHAMMAD HAIDZIR
Universiti Kebangsaan Malaysia
mohamadhakimi1996@gmail.com

MASLIDA YUSOF
Universiti Kebangsaan Malaysia
maslida@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Penguasaan bahasa Melayu penting bagi murid-murid Orang Asli Semai kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan juga bahasa pengantar pendidikan. Tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah akan menyebabkan mereka ketinggalan dalam pendidikan. Kertas kerja ini membincangkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu oleh murid-murid Orang Asli Semai di Tapah, Perak. Dalam kajian ini, pengkaji ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memanfaatkan teknik temubual dan pemerhatian. Subjek kajian ini terdiri daripada murid-murid tabika yang berusia lima dan enam tahun. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan tatabahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid Orang Asli Semai yang berusia lima dan enam tahun sudah menguasai sebahagian kosa kata bahasa Melayu yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Namun, murid-murid Orang Asli Semai hanya menggunakan kosa kata yang meliputi tubuh badan, persekitaran, makanan, minuman dan keluarga. Hal ini menunjukkan mereka masih berada pada tahap lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini penting dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sama ada guru, ibu bapa, murid, mahupun pengkaji bagi menambah baik tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu murid-murid Orang Asli Semai.

Kata kunci: penguasaan bahasa; bahasa kedua; bahasa Melayu; kosa kata; Orang Asli Semai

MASTERY LEVEL OF MALAY VOCABULARY BY SEMAI PUPILS

ABSTRACT

Mastery of the Malay language is important for the Orang Asli Semai students because

the Malay language is the national language and also as a medium of education. The low level of Malay language proficiency will cause them to be left behind in education. This paper discusses the level of mastery of Malay vocabulary by Orang Asli Semai students in Tapah, Perak. In this study, the researcher used a qualitative method by utilizing interview and observation techniques. The subjects of this study consisted of kindergarten students who were five and six years old. The data obtained will be analyzed using the Malay grammar. The findings of the study show that the Orang Asli Semai students who are five and six years old have mastered some of the Malay vocabulary which consists of nouns, verbs, adjectives and adverbs. However, the students of Orang Asli Semai only use vocabulary that covers the body, environment, food, drink and family. This shows that they are still at weak level in mastering the Malay language. Therefore, this study is important and can be used by all parties, whether teachers, parents, students, or researchers to improve the level of mastery of the Malay vocabulary of the Orang Asli Semai students.

Keywords: language mastery; second language; Malay language; vocabulary; Orang Asli Semai

PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli (OA) merupakan satu-satunya warga peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Terminologi Orang Asli sebagai antara etnik di Malaysia wujud selepas tahun 1960 (Suki Mee 2005). Orang Asli (OA) di Malaysia merupakan golongan yang agak berbeza daripada masyarakat bumiputera yang lain. Ciri-ciri masyarakat OA ini dikenali sebagai kaum yang bersifat heterogen. Mereka dipercayai unik dari segi sosiobudaya dan psikokognitif bagi setiap kaum. Rasional di sebalik perbezaan ciri ini adalah berkaitan dengan latar belakang komuniti OA itu sendiri yang terdiri daripada tiga kelompok suku bangsa utama iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito (Abdul Ghani Abu et al. 2003). Setiap suku bangsa tersebut dibahagikan pula kepada enam suku kaum yang kecil. Pembahagian ini dapat dilihat seperti dalam Jadual 1.

Masyarakat OA mempunyai dialek atau bahasa mereka tersendiri. Menurut Fazal Mohamed (2009,2011) bahasa peribumi di Malaysia terbahagi kepada dua rumpun yang berbeza iaitu rumpun Austronesia dan Austrisiatik. Bahasa mereka ini kebanyakannya ialah bahasa lisan yang dituturkan dan difahami dalam kalangan mereka sahaja (Zalizan Mohd Jelas et al. 2009).

JADUAL 1. Taburan penempatan Orang Asli mengikut suku kaum

Suku Bangsa	Suku Kaum	Lokasi Penempatan	Jumlah
Negrito	Kintaq, Kensiu, Jahai, Mendriq, Bateq dan Lanoh	Kedah, Perak, Kelantan, Pahang dan Selatan Thailand	5,009
Senoi	Temiar, Semai, Che Wong, Jahut, Semoq Beri dan Mah Meri	Perak, Kelantan, Pahang, Selangor dan Terengganu	97,856
Melayu-Proto	Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seketar dan Orang Kuala	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang	75,332

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) 2012

Kumpulan Orang Asli Senoi (OS) merupakan kumpulan OA yang terbesar di Malaysia iaitu berjumlah 97,856 orang atau merangkumi 54.91% daripada jumlah keseluruhan OA di negara ini. Dalam kelompok Senoi pula, kaum Semai (OAS) merupakan etnik yang paling ramai dan sebahagian besarnya bermastautin di Perak. Mengikut Perangkaan JAKOA pada tahun 2016 sahaja terdapat seramai 50,281 orang Senoi di negeri Perak yang sebahagian besarnya merupakan etnik Semai iaitu berjumlah 31,437 (JAKOA 2016).

Orang Asli Semai (OAS) mempunyai bilangan paling ramai di antara etnik-etnik dalam kelompok Orang Senoi (Hood Salleh 2006). Kebanyakan OAAs mendiami kawasan Banjaran Titiwangsa khususnya di negeri Perak dan Pahang Barat (Bahagian Perancangan dan Pendidikan Orang Asli 2011; Colin Nicholas 2000). Bilangan OAS yang ramai di negeri Perak terutamanya di daerah batang Padang dan keadaan masyarakat OA di sini yang sebahagian besarnya masih memegang tradisi menimbulkan minat kepada pengkaji untuk meneliti aspek penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Orang Asli Semai menggunakan bahasa Semai sebagai ibunda. Mereka menuturkan beberapa dialek yang boleh dipecahkan mengikut kawasan geografi, iaitu bahasa Semai (BS) dialek Tenom, Perak Tengah, Cameron Highlands dan Jelai, Pahang Selatan serta Perak Sealatan (Robert Dentan, 2003). Kebanyakan Orang Asli Semai adalah bilingual. Mereka boleh bertutur lebih daripada satu bahasa iaitu bahasa Semai sebagai bahasa ibunda atau bahasa pertama dan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Walaupun Orang Asli Semai menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua tetapi penguasaan bahasa Melayu mereka masih berada pada tahap yang rendah. Penguasaan bahasa Melayu yang rendah ini dapat dilihat berdasarkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu mereka. Justeru kajian ini akan membincangkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh murid-murid Orang Asli Semai.

KONSEP PENGUASAAN BAHASA KEDUA

Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid-murid Orang Asli Semai. Kebanyakan murid-murid Orang Asli Semai mempelajari bahasa Melayu secara formal di sekolah. Sebelum mempelajari bahasa Melayu mereka sudah menguasai bahasa pertamanya, iaitu bahasa Semai secara semulajadi. Selain bahasa Melayu mereka juga mempelajari bahasa-bahasa lain di

sekolah seperti bahasa Inggeris. Dengan kata lain, selepas menguasai bahasa Semai sebagai bahasa pertama, murid-murid Orang Asli Semai ini akan menguasai bahasa-bahasa lain sebagai bahasa kedua. Menurut Ellis (1997) istilah bahasa kedua ini bukan sahaja terhad kepada bahasa yang diperolehi selepas bahasa ibunda, tetapi juga merujuk kepada bahasa ketiga, keempat dan seterusnya. Dengan kata lain, bahasa kedua adalah bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada (Cook 1991).

Istilah untuk pemerolehan bahasa pertama dan bahasa kedua sering dibezakan. Chomsky misalnya, menganggap bahawa istilah pemerolehan bahasa hanya digunakan untuk merujuk kepada bahasa pertama kerana bahasa adalah bawaan manusia sejak lahir. Manakala istilah pembelajaran digunakan untuk merujuk kepada penguasaan bahasa kedua ataupun bahasa ketiga dan seterusnya. Menurut Chomsky setiap bayi yang telah lahir ke dunia ini sudah memiliki keupayaan khusus untuk berbahasa yang tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk lain. Teori Chomsky ini dikenali sebagai Hipotesis Nurani.

Namun, Krashen (1981) mempunyai pandangan yang berbeza tentang pemerolehan bahasa dengan pembelajaran bahasa. Krashen (1981) menggunakan istilah pemerolehan untuk bahasa pertama dan bahasa kedua. Dengan kata lain, Krashen menyatakan bahawa proses pemerolehan bahasa pertama dan bahasa kedua adalah sama. Menurut Krashen, pemerolehan bahasa sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua dipelajari secara bawah sedar. Krashen menjelaskan dalam pemerolehan bahasa, seseorang tidak akan menyedari yang mereka sedang mempelajari bahasa, tetapi mereka hanya menyedari bahawa mereka sedang berkomunikasi. Dengan kata lain, pemerolehan bahasa berlaku ketika seseorang berkomunikasi secara semulajadi tanpa memikirkan rumus-rumus bahasa. Proses ini berbeza dengan pembelajaran bahasa yang merupakan proses untuk memahami struktur atau sistem bahasa kedua.

Pandangan Krashen ini bertepatan dengan pemerolehan bahasa murid-murid Orang Asli Semai. Walaupun penguasaan bahasa Melayu dipelajari secara formal, namun dalam situasi tertentu, murid-murid Orang Asli Semai menguasai bahasa kedua secara tidak formal. Mereka memperoleh bahasa Melayu melalui komunikasi dengan guru-guru dan juga rakan-rakan berbangsa Melayu mereka. Pemerolehan ini seperti kata Krashen berlaku secara tidak sedar dan tanpa perlu memikirkan rumus-rumus bahasa yang dipelajari. Dengan kata lain pemerolehan bahasa kedua boleh berlaku secara tidak formal ataupun secara semulajadi.

PENYATAAN MASALAH

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, bahasa Melayu digunakan sebagai platform dalam proses pembelajaran manakala bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa lain sebagai bahasa ketiga (Shahidi & Rahim 2011; Shahidi et al. 2012). Bagi murid orang asli, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua dan sekiranya mereka tidak menguasai bahasa Melayu sudah pasti mereka akan menghadapi masalah untuk mengikuti pendidikan formal. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa merentas kurikulum yang menuntut semua pelajar wajib menguasai Bahasa Melayu dengan baik supaya tidak timbul masalah semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan Bahasa Melayu amat penting kepada murid-murid orang asli kerana untuk memahami pengajaran guru dan menelaah buku-buku pelajaran yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu, mereka perlu menguasai bahasa Melayu. Apatah lagi bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama atau bahasa merentas kurikulum dalam sistem pendidikan negara (Abd. Hadi bin Kudin 2010).

Walaupun pelbagai usaha untuk memperkasakan pendidikan negara telah dilakukan oleh kerajaan, namun ternyata masih lagi terdapat segelintir pelajar yang keciciran dalam pelajaran khususnya golongan pelajar OA. Peruntukan yang besar untuk OA telah diperuntukan bagi tujuan pendidikan contohnya pada tahun 2013 sahaja sejumlah RM4.82 juta telah disalurkan

kemudian jumlah ini dinaikkan kepada RM6.4 juta pada tahun 2014 (JAKOA 2014). Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk pendidikan OA semakin meningkat setiap tahun namun peratusan kelulusan OA dalam pendidikan masih lagi rendah.

Keciciran murid-murid Orang Asli Semai dalam pendidikan adalah disebabkan oleh penguasaan bahasa Melayu yang lemah (Abd. Hadi 2010). Kelemahan ini dapat dilihat dalam analisis peperiksaan UPSR Orang Asli Tahun 2006-2014 seperti Jadual 2 berikut.

JADUAL 2. Analisis keputusan UPSR Orang Asli tahun 2006-2014

Tahun	Bilangan pelajar	Bilangan Lulus	% Lulus
2006	2,884	1,807	62.65
2007	2,846	1,706	59.94
2008	2,884	1,807	62.65
2009	3,107	1,789	57.58
2010	3,018	1,852	61.36
2011	3,091	2,154	69.68
2012	3,467	2,091	60.31
2013	3,414	2,121	62.09
2014	3,789	2,006	52.94

Sumber: JAKOA 2014

Berdasarkan peratusan kelulusan peperiksaan UPSR dalam kalangan murid-murid Orang Asli (OA) pada tahun 2006 hingga 2014 menunjukkan semakin menurun. Kajian oleh Johari Talib dan Nazri Musli (2007) mendapati daripada 3,202 kanak-kanak yang mendaftar di sekolah rendah sebanyak 77.6% atau 2,485 daripadanya telah menarik diri pendidikan arus perdana. Isu ini juga dibahas dalam kajian Colin Nicholas (2007) yang menyatakan jika 100 murid OA yang memasuki tahun satu hanya enam pelajar sahaja akan menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima. Sebanyak 94% mereka amat jauh ketinggalan dan boleh dikategorikan sebagai murid yang terpinggir (Mohd Fauzi & Nor Aini 2009). Masalah keciciran OA dalam pendidikan sering berlaku kerana tidak menguasai BM dengan baik menyebabkan mereka gagal dalam ujian penulisan BM UPSR dan seterusnya gagal dalam pelajaran (Abd. Hadi bin Kudin 2010; Abdull Sukor Shaari et al. 2011; Wan Afizi Wan Hanafi et al. 2014). Penguasaan akademik yang lemah ini mempunyai hubungan dengan penguasaan BM kerana BM merupakan bahasa pengantar.

Dari segi kualiti sekolah, sebahagian besar sekolah yang mempunyai murid-murid OA terdapat dalam 1,287 buah sekolah di Malaysia. Kebanyakan sekolah ini terletak di kawasan pedalaman (JAKOA 2018). Menurut Ilangko et al. (2013) menyatakan murid-murid di pedalaman kurang terdedah dengan bahasa lain selain bahasa ibunda mereka. Murid-murid di pedalaman berada dalam persekitaran yang kurang menggalakan mereka untuk menggunakan BM dan seterusnya akan menimbulkan masalah dalam aspek penguasaan BM tersebut. Hal ini menyebabkan prestasi sekolah OA dikategorikan sebagai sederhana iaitu Band 3, 4 dan 5. Walau bagaimanapun, peratus sekolah OA dalam Band 6 dan 7 yang dikategorikan sebagai sekolah berprestasi rendah yang berada dalam sekitar 30%. Peratus ini adalah sangat tinggi berbanding dengan 0.7% sekolah rendah yang berada dalam band yang sama. Kelemahan pencapaian BM kerana peratusan pencapaian BM juga tidak melebihi 60% kelulusan (Laporan Tahuann PIPP 2014).

Dari segi program yang dijalankan oleh kerajaan, terdapat beberapa program yang menyukarkan kesejajaran pembentukan program dan kurikulum sedia ada mengikut keperluan dan kehendak yang boleh diikuti oleh OA. Walaupun sudah terdapat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid- murid OA dengan penggunaan model Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP) namun masih kurang mencapai sasaran. Model tersebut dibangunkan hanya terkesan setelah diubahsuai oleh guru yang mengajar bagi menyesuaikan dengan keperluan kanak-kanak (Sharifah Md Nor et al. 2011). Begitu juga dengan modul yang diaplikasikan dalam Program LINUS dilihat kurang difahami oleh murid-murid OA kerana tiada pengukuhan asas dan menyukarkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah (Nazariyah Sani 2014). Kurikulum kebangsaan juga tidak memenuhi amalan masyarakat OA (Mohd Nazri 2004).

Melihat kepada permasalahan tentang penguasaan OA dalam pendidikan yang masih belum selesai, pengkaji berpendapat satu kajian khusus tentang aspek yang paling asas perlu dijalankan iaitu, isu berkaitan bahasa dengan memberi penumpuan kepada aspek penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Aspek penguasaan kosa kata bahasa Melayu murid-murid OAS perlu diteliti secara mendalam kerana bahasa pertama OA ialah bahasa Semai (BS) manakala BM yang dipelajari oleh OA sebagai bahasa kedua (B2). Kajian terhadap penguasaan kosa kata ini dapat dijadikan asas untuk membantu dalam pemerolehan bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kosa kata bahasa Melayu yang dikuasai oleh murid-murid OAS. Dengan mengenal pasti kosa kata yang telah dikuasai oleh murid-murid OAS, guru boleh membina bahan pengajaran yang bersesuaian dengan pengetahuan bahasa mereka.

KAJIAN LEPAS

Kajian terhadap orang Asli sudah banyak dilakukan. Namun kajian yang memfokus kepada pemerolehan bahasa Melayu murid-murid orang asli masih belum mendapat perhatian. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada aspek pendidikan orang asli. Antara kajian yang melihat masalah penguasaan bahasa Melayu ialah kajian yang dilakukan oleh Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali (2011). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah utama yang dihadapi dalam literasi bahasa Melayu. Kajian ini juga melihat punca-punca mengapa masalah literasi dalam kalangan murid-murid orang asli berlaku. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan membuat kajian lapangan dan kaedah temu bual bagi memperoleh data. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian rintis bagi mengesahkan sesuatu masalah sebelum dibawa ke lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak Orang Asli secara majoriti menghadapi banyak masalah dalam pembelajaran penulisan bahasa Melayu, terutama masalah membaca. Bagi kemahiran bertutur pula murid-murid Orang Asli didapati masih terikat dengan penggunaan bahasa ibunda mereka iaitu, bahasa Semai yang digunakan untuk bertutur setiap hari.

Kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahim Abu dan Mohd Sharifudin Yusop (2014) pula bertujuan untuk mengenal pasti sikap murid-murid Orang Asli yang berumur 8 hingga 11 tahun di Bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini juga menghuraikan sikap murid-murid Orang Asli lelaki dan kanak-kanak Orang Asli perempuan terhadap penguasaan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu instrumen soal selidik dan SPSS bagi menganalisis data. Kajian rintis digunakan

untuk menguji tahap kebolehpercayaan item instrumen. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak Orang Asli mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu. Hal ini membuktikan elemen individu, persekitaran berbahasa, ciri bahasa Melayu dan jantina telah mempengaruhi sikap positif mereka

Haslinda Tahir Shah dan Zanaton bt Iksan (2015) mengkaji minat murid-murid orang asli dalam mata pelajaran sains. Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan minat murid-murid Orang Asli dalam mata pelajaran sains melalui kaedah bermain. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah temu bual dan kajian lapangan digunakan bagi memperoleh data kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah membina satu modul kembara Sains dan menjalankan kajian lapangan terhadap 35 orang murid di SK Sungai Melut (A), Sepang, Selangor. Hasil daripada kembara ini, temu bual dilaksanakan kepada 6 orang guru bagi mendapat maklum balas mengenai kembara sains tersebut. Sesi temubual dijalankan dengan menggunakan protokol yang dibangunkan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, teori Maslow digunakan untuk mengkaji hal yang berkaitan tingkah laku murid terhadap pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan kaedah bermain dapat meningkatkan murid orang Asli terhadap sains. Justeru dalam pembelajaran, menarik minat murid-murid terutama Orang Asli untuk mempelajari Sains perlu diambil perhatian. Program Kembara Sains yang ternyata dapat menarik minat mereka dan seterusnya diharap menyumbang peningkatan pencapaian murid Orang Asli dalam Sains.

Kajian tahap kemahiran dalam penulisan dan tatabahasa Melayu dalam kalangan murid-murid orang Asli dilakukan oleh Saadiah Ma'alip (2016). Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu dalam penulisan dan kefahaman berdasarkan keputusan UPSR pelajar. Subjek kajian ini terdiri daripada murid Darjah 6 Sekolah Kebangsaan Bolok. Kajian ini dilakukan kerana penguasaan Bahasa Melayu murid Orang Asli Che Wong dalam bahasa Melayu didapati sangat lemah dan ini dibuktikan dengan keputusan UPSR bagi tempoh 2008-2012. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual yang merangkumi murid Orang Asli Che Wong, Guru Besar dan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Bolok. Di samping temu bual, penyelidikan ini juga melibatkan pemerhatian semasa proses pembelajaran bahasa Melayu Mata kepada murid Darjah 6. Dalam menghuraikan dapatan, pengkaji menggunakan Teori Monitor. Kajian ini mendapati penguasaan bahasa Melayu murid-murid orang asli Che Wong dalam penulisan dan tatabahasa sangat lemah.

METODOLOGI KAJIAN

Data dalam kajian ini diperoleh melalui kaedah kualitatif dengan memanfaatkan teknik temubual dan pemerhatian. Pengkaji hanya menggunakan teknik temubual untuk mendapatkan data kajian daripada subjek kajian. Subjek akan menceritakan pengalaman mereka kepada pengkaji. Temubual ini dirakam dan dianalisis. Melalui teknik temubual ini, subjek dapat memberi jawapan atau maklum balas yang bebas tanpa sebarang jawapan yang terikat. Dalam temubual ini juga pengkaji turut menggunakan kad bergambar. Subjek diminta untuk bercerita berdasarkan gambar tersebut. Pengkaji juga turut bertanyakan soalan berdasarkan kad bergambar tersebut. Soalan yang diberikan dalam sesi temubual adalah berdasarkan panduan temubual separa berstruktur iaitu skema soalan atau topik yang ingin diteroka oleh pengkaji. Pengkaji menyediakan soalan temubual bagi memudahkan proses pertanyaan dan proses analisis dapatan kajian. Temubual separa berstruktur membantu pengkaji untuk memperoleh data secara semulajadi. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan buku tatabahasa Melayu, seperti Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga yang ditulis oleh Nik Safiah Karim et al. (2008) dan Nahu Kemas Kini, Asmah Hj. Omar (2008).

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian ini terdiri daripada murid-murid tabika yang berusia lima dan enam tahun yang belajar di Tabika Batu 8, Tapah, Perak. Subjek kajian ini dipilih kerana mereka merupakan murid-murid yang baru memasuki tadika dan belum terdedah dengan bahasa Melayu. Mereka tinggal di perkampungan Orang Asli Semai.

HASIL DAPATAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji berjaya mengumpul sebanyak 101 kata yang diujarkan oleh murid-murid OAS berusia lima dan enam tahun. Pemerolehan data dalam kalangan murid-murid OAS ini agak sukar kerana mereka tidak mampu berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik. Data-data yang dikumpul jelas memperlihatkan keterbatasan penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam murid-murid OAS. Walaupun murid-murid OAS telah menguasai golongan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas, namun bilangan kosa kata golongan kata tersebut amat terhad. Golongan kata dan bilangan kata yang dikuasai adalah seperti dalam jadual di bawah.

JADUAL 3. Penguasaan Jenis Golongan Kata

Golongan kata	Bilangan kata
Kata nama	49
Kata kerja	19
Kata adjektif	18
Kata tugas	15
Jumlah kata	101

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan golongan kata yang dikuasai terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Sebanyak 101 kata telah diujarkan oleh murid-murid OAS semasa ditemubual. Dapatan kajian menunjukkan kata nama paling banyak diujarkan oleh murid-murid OAS iaitu sebanyak 49 kata dan diikuti oleh kata kerja iaitu sebanyak 19 kata. bagi kata adjektif pula hanya 18 sahaja diujarkan oleh mereka. Akhirsekali, kata tugas merupakan kata yang paling sedikit diujarkan oleh murid-murid OAS.

Kata Nama

Kata nama ialah kata yang menamakan orang, tempat, benda atau konsep. Jenis kata nama boleh dikelaskan berdasarkan ciri-ciri makna perkataan kepada tiga kumpulan iaitu kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama (Nik Safiah Karim et al. 2008). Asmah Haji Omar (2008) pula menjelaskan bahawa kata nama boleh merupakan kata selapis atau juga kata kompleks dengan jenis-jenisnya yang pelbagai sifatnya, termasuk kata majmuk dan kata ganda.

Berdasarkan takrif di atas, pengkaji mendapati murid-murid OAS telah menguasai sebahagian kata nama khas, kata nama khas dan kata ganti nama. Jumlah bilangan kata nama adalah seperti jadual di bawah.

JADUAL 4. Jenis Kata Nama

Kata nama	Bilangan kata
Kata nama khas	8
Kata nama am	38
Kata ganti nama	3
Jumlah	49

Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 49 kata nama yang telah diujarkan oleh murid-murid OAS yang berusia lima dan enam tahun. pengkaji mendapati kata nama am palingbanyak diujarkan oleh murid-murid OAS iaitu sebanyak 38 kata dan diikuti oleh kata nama khas iaitu sebanyak lapan kata. Bagi kata ganti nama paling kurang diujarkan olehmurid-murid OAS iaitu sebanyak tiga kata sahaja.

Kata nama khas

Kata nama khas adalah kata nama yang mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan (institusi), undang-undang, bangsa, pangkat dan seumpamanya (Nik Safiah Karim et al. 2008). Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati hanya lapan sahaja kata nama khas yang diujarkan oleh mereka. Murid- murid OAS hanya mengujarkan kata nama khas yang nama orang, aplikasi, nama kampung, jenama bijiran dan nama tabika. Contoh kata nama khas seperti dalam Jadual 5 di bawah.

JADUAL 5. Senarai kata nama khas

Kata Nama Khas
Boboiboy
Kokocrunch
Tiktok
Mobile Legend
Shoppe
Upin
Ipin
Kampung Batu 8
Tabika Batu 8

Kata nama am

Kata nama am pula ialah perkataan yang merujuk benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati murid-murid OAS telah menguasai kata nama am sebanyak 38 kata. Kata-kata ini merupakan kata-kata yang diujarkan oleh murid-murid OAS semasa ditemubual. Berdasarkan kata nama am dipaparkan dalam Jadual 6 di bawah menunjukkan murid-murid OAS menggunakan kata yang berbentuk keluarga, persekitaran, makanan, minuman dan tubuh badan Contoh kata nama am seperti jadual di bawah.

JADUAL 6. Senarai kata nama am

Kata Nama Am

Ayam	Baju	Tembikai
Bola	Mata	Kicap
Sekolah	Kek	Harimau
Kedai	Pinggan	Tudung
Nasi	Mi	Warna
Bubur	Tulis	Nyamuk
Air	Ikan	Nama
Susu	Cikgu	Bau
Tempat	Nombor	Daging
Kartun	Zombi	Lagu
Kawan	Mihun	Televisyen
Rumah	Kereta	Daging

Kata ganti nama

Murid-murid OAS juga telah menguasai kata ganti nama diri bahasa Melayu. Kata ganti nama diri yang dikausai ialah kata kata ganti nama diri pertama dan dan kata ganti nama diri kedua. Dapatan menunjukkan sebanyak tiga kata ganti nama diri yang diujarkan oleh murid-murid OAS.

JADUAL 7. Jenis kata ganti nama

Kata Ganti Nama	Contoh
Kata ganti nama orang pertama	Saya
Kata ganti nama orang kedua	Kita, dia

Kata kerja

Kata kerja dapat didefinisikan sebagai kata yang boleh berfungsi pada predikat ayat (Asmah Haji Omar 2008). Nik Safiah Karim et al (2009) pula mendefinisi kata kerja sebagai perkataan yang menjadi inti bagi binaan ayat atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja tersebut terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek pelengkap, ayat komplemen dan keterangan.

Berdasarkan Jadual 8, sebanyak 19 kata kerja aktif yang telah diujarkan oleh murid-murid OAS. Jumlah bilangan kata kerja adalah seperti jadual di bawah.

JADUAL 8. Jenis kata kerja

Kata kerja	Bilangan kata
Kata kerja aktif	19
Kata kerja pasif	0
Jumlah	19

Kata kerja aktif

Kata kerja aktif ialah kata kerja yang hadir dalam ayat aktif iaitu, ayat yang mengutamakan subjek asal sebagai judul atau yang diterangkan. Dalam kajian ini murid-murid OAS menguasai 19 kata kerja aktif seperti dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Senarai kata kerja aktif

Kata Kerja Aktif	
Main	Bertulis
Masak	Kerja
Buat	Lukis
Cuci	Mandi
Pakai	Pergi
Makan	Tahu
Minum	Pakai
Beli	Pinjam
Belajar	Goreng

Kata Adjektif

Di samping kata nama dan kata kerja, murid-murid OAS juga telah menguasai kata adjektif. Kata adjektif ini ialah kata yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif atau frasa sifat. Frasa adjektif boleh terdiri daripada satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau kata penguat. Kata adjektif ini juga terbahagi kepada enam subgolongan iaitu warna, bentuk, jarak, perasaan, pancaindera dan sifat. (Nik Safiah Karim et al 2009). Manakala dalam buku Nahu Kemas Kini pula, Asmah Haji Omar (2008) telah mendefinisikan kata adjektif sebagai kata yang menerangkan kata nama. Berdasarkan Jadual 9 di bawah sebanyak 18 kata adjektif yang telah diujarkan oleh murid-murid OAS meliputi kata adjektif warna, bentuk, jarak, perasaan, pancaindera dan sifat.

JADUAL 9. Jenis Kata Adjektif

Kata Adjektif	Bilangan Kata
Warna	6
Bentuk	2
Jarak	2
Perasaan	5
Pancaindera	2
Sifat	1
Jumlah	18

Berdasarkan Jadual 9 di atas, sebanyak 18 kata adjektif telah diujarkan oleh murid-murid OAS. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid OAS juga telah menguasai kosa kata yang berkaitan warna, bentuk, jarak, perasaan, pancaindera dan sifat. Murid-murid OAS ini telah mengujarkan enam perkataan yang berkaitan warna. Kata adjektif bentuk pula merujuk

kepada perkataan yang memberi pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan. Berdasarkan data kajian, terdapat dua kata adjektif berkiatan bentuk yang diujarkan oleh murid-murid OAS.

Kata adjektif jarak ialah jenis perkataan yang memberi pengertian konsep ruang dua benda atau keadaan sebagai penerang kata nama. Dapatan menunjukkan terdapat dua kata adjektif jarak yang diujarkan oleh murid-murid OAS. Kata adjektif perasaan ini terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian konsep perasaan sebagai penerang kata nama dan harus diikuti oleh kata sendi nama. Terdapat lima kata adjektif perasaan yang diujarkan oleh murid-murid OAS. Kata adjektif pancaindera ini terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian rasa, pandang, dengar, bau, sentuh atau gabungan kelima-lima pancaindera sebagai penerang kata nama. Dapatan menunjukkan terdapat dua kata adjektif pancaindera yang diujarkan oleh informan. Kata adjektif sifat ini terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian sifat atau keadaan sebagai unsur keterangan nama. Terdapat satu kata adjektif sifat yang diujarkan oleh murid-murid OAS.

JADUAL 10. Senarai kata adjektif

Kata Adjektif	Contoh
Warna	Biru, ungu, kuning, hijau, pink, Oren
Bentuk	Kecil, besar
Jarak	Dekat, jauh
Perasaan	Suka, seronok, sayang, best, takut
Pancaindera	Sedap, manis
Sifat	Pandai

Kata Tugas

Murid-murid OAS juga telah menguasai sebahagian daripada kata tugas. Kata tugas ialah jenis perkataan yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendapan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemerhati atau tugas-tugas lain. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid OAS telah menguasai lapan jenis, iaitu kata sendi nama, kata bilangan, kata adverbial dan kata bantu.

JADUAL 11. Kata Tugas

Kata Tugas	Bilangan Kata	Contoh
Kata hubung	2	dan, yang
Kata tanya	1	apa
Kata nafi	2	bukan, tidak
Kata penegas		-lah
Kata sendi nama	2	di, dengan
Kata bilangan	4	satu, sedikit, banyak
Kata adverbial	2	sentiasa, tadi
Kata bantu	1	sudah
Jumlah	15	

Berdasarkan Jadual 11 di atas, sebanyak 15 kata tugas telah diujarkan oleh murid-murid OAS. Kata bilangan merupakan kata tugas yang paling banyak dikuasai oleh murid-murid OAS, iaitu sebanyak 4 kata, diikuti kata sendi nama, kata hubung, kata nafi, kata sendi nama dan kata adverba yang masing-masing sebanyak 2 kata, manakala kata tanya dan kata bantu pula terdiri daripada satu kata. Kata hubung merujuk kepada perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis yang dikenali sebagai ayat majmuk. Kata hubung yang dikuasai murid-murid OAS terdiri daripada kata hubung gabungan dan relatif.

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoal sesuatu. Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat. Dapatan kajian menunjukkan kata “apa” digunakan oleh murid-murid OAS semasa temubual. Kata nafi ialah perkataan yang menjadi unsur frasa-frasa predikat iaitu frasanama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua kata nafi yang digunakan oleh murid-murid OAS, iaitu *bukan* dan *tidak*. Kata penegas yang disebut juga partikel ialah sejumlah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Terdapat satu kata penegas, iaitu *-lah* yang digunakan oleh murid- murid OAS.

Kata sendi nama merupakan perkataan yang terletak di hadapan frasa nama. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua kata sendi nama yang diujarkan oleh murid-murid OAS, iaitu *di* dan *dengan*. Kata bilangan ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama. Terdapat empat kata bilangan yang diujarkan oleh murid-murid OAS. Kata bantu pula ialah perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama iaitu dengan menimbulkan makna-makna tambahan dari aspek waktu atau ragam. Dapatan kajian menunjukkan terdapat satu kata bantu aspek diujarkan semasa temubual, iaitu kata bantu *sudah*.

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati murid-murid OAS hanya menguasai sebahagian sahaja kosa kata bahasa Melayu. Dapatan ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa penguasaan bahasa Melayu mereka adalah rendah dan perlu penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kosa kata yang dikuasai meliputi kosa kata yang tergolong dalam kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Berdasarkan kosa kata yang diperoleh ternyata penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid OAS ini berada pada tahap yang rendah. Jika dilihat penguasaan kosa kata bahasa Melayu murid-murid OAS ini berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) (2019), didapati mereka berada pada tahap Sangat Terbatas. Dalam tahap Sangat Terbatas, mereka hanya menguasai bahasa Melayu yang sangat minimum dari aspek kosa kata. Malah kosa kata yang diperoleh juga merupakan kosa kata yang mudah dan sangat asas.

Penguasaan kosa kata asas ini dapat dilihat dalam penguasaan golongan kata kosa kata. Berdasarkan keempat-empat golongan kata tersebut, didapati kata nama paling banyak digunakan semasa berkomunikasi berbanding kata tugas. Kebanyakan kata nama yang digunakan oleh murid-murid OAS ini pula merupakan perkataan yang merujuk kepada tubuh badan, persekitaran, makanan, minuman dan keluarga. Manakala jumlah perkataan yang dikuasai pula kebanyakannya perkataan yang mempunyai dua suku kata sahaja. Hanya beberapa kosa kata sahaja lebih dari dua suku kata seperti tembikai, harimau, dan kereta yang dikuasai. Menurut Mhd Amn Arsyad dan Vijayaletchumy (2006), kecekapan kanak-kanak menguasai kata nama adalah berdasarkan pada perkataan yang selalu digunakan di rumah. Oleh sebab itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat awal perlu memberi tumpuan kepada aspek persekitaran kerana pembangunan kosa kata awal dipengaruhi oleh faktor

persekitaran (Stolarova et al. 2016). Penguasaan kosa kata ini memperlihatkan penguasaan terhadap bahasa Melayu masih di tahap yang lemah.

Dalam bahasa Melayu, kata nama terbahagi kepada tiga iaitu kata nama am, kata nam khas dan kata ganti nama. Dapatan kajian menunjukkan kata nama am paling banyak digunakan semasa berkomunikasi. Murid-murid OAS hanya menggunakan kata yang mudah dan sering dilihat berdasarkan pemerhatian mereka. Bagi kata ganti nama diri pula yang terdiri daripada kata ganti nama orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua ganti nama diri orang ketiga, murid-murid OAS masih belum menguasai sepenuhnya. Berdasarkan temubual yang dilakukan oleh pengkaji mendapati murid-murid OAS hanya menguasai dua daripada tiga kata ganti nama tersebut, iaitu kata ganti pertama dan kedua, manakala kata ganti nama ketiga masih belum dikuasai. Hal ini membuktikan penguasaan bahasa Melayu masih lagi di tahap yang rendah.

Golongan kata kedua yang dikuasai oleh murid-murid OAS ialah kata kerja. Penguasaan kata kerja murid-murid OAS hanya tertumpu kepada kata kerja aktif kerana kebanyakan mereka menggunakan ayat penyata untuk bercerita dan membincangkan perkara yang dalam pengalaman mereka. Mereka tidak memperlihatkan penggunaan kata kerja pasif. Hal ini membuktikan murid-murid OAS masih kekurangan pengetahuan terhadap bahasa Melayu. Oleh itu, penguasaan kosa kata mereka masih di tahap yang lemah.

Kata adjektif dalam bahasa Melayu mempunyai sembilan jenis iaitu sifatan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan dan pancaindera (Nik Safiah Karim et al., 2008). Namun begitu, murid-murid OAS hanya menguasai enam jenis sahaja, iaitu sifat, warna, ukuran, bentuk, jarak, perasaan dan pancaindera. Keenam- enam kata adjektif ini adalah berdasarkan persekitaran sekeliling mereka. Perkara ini membuktikan penguasaan bahasa Melayu hanya berada di lingkungan yang sama dan tidak berkembang. Bagi kata tugas pula tidak semua murid-murid OAS menggunakan kata tugas semasa bercakap dalam bahasa Melayu. Penggunaan kata tugas oleh murid-murid OAS amatlah sedikit.

Penguasaan kosa kata bahasa Melayu oleh murid- murid OAS lemah adalah disebabkan oleh kesalahan interlingual dan kesalahan intralingual. Menurut Richards (1992) kesalahan interlingual sebagai kesalahan yang terhasil daripada pemindahan bahasa disebabkan bahasa pertama mereka. Hal ini sejajar dengan kajian Jeyagobi (2011) pengaruh bahasa ibunda juga mendorong murid-murid bukan Melayu sering melakukan kesalahan semasa bertutur akibat daripada penguasaan kosa kata dalam bahasa Melayu yang terhad. Murid-murid OAS bukan hanya menggunakan bahasa ibunda mereka ketika berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah malah mereka turut menggunakannya untuk bertutur semasa berada di dalam kelas dan juga di persekitaran sekolah seperti kantin (lihat juga Abdull Sukor Shaari, 2011). Manakala, kesalahan intralingual terhasil daripada pembelajaran yang salah atau belum sempurna dalam bahasa kedua memandangkan pelajar belum menguasai bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu.

Berdasarkan laporan temubual, rata-rata informan daripada murid OAS ini memahami soalan yang diajukan oleh pengkaji adalah pada tahap paling mudah. Soalan yang diajukan oleh pengkaji adalah soalan yang menggunakan aras paling rendah. Namun ada dalam kalangan informan memberi tindak balas yang lambat ketika pengkaji mengajukan soalan kepada mereka. Jawapan- jawapan yang diberikan oleh informan ini kebanyakan mempunyai pengaruh bahasa ibunda ketika bercakap dalam bahasa Melayu. Terdapat juga kesalahan tatabahasa yang jelas pada pertuturan informan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan kosa kata murid-murid OAS terhadap bahasa Melayu berada pada tahap yang lemah.

Untuk meningkatkan prestasi penguasaan kosa kata bahasa Melayu, murid-murid OAS memerlukan motivasi. Motivasi merupakan unsur yang membolehkan murid-murid melibatkan pembelajaran secara aktif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Azizi dan Jaafar Sidek 2006). Zaliza Mohammad Nazir dan Zaitul Akma (2014) juga

menyatakan motivasi merupakan elemen yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Pelajar yang bermotivasi merupakan elemen yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan hasil dari rangsangan-rangsangan yang kuat iaitu menerusi insentif dan motif. Dalam erti kata lain, jika pelajar tersebut bermotivasi secara tidak langsung mereka seronok dan kepuasan dalam pembelajaran yang dilalui.

Murid-murid OAS ini dilihat mempunyai tahap motivasi yang rendah khususnya dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bagi mereka, memahami bahasa ibunda mereka sudah cukup kerana mereka tidak meletakkan pendidikan bukan perkara utama dalam kehidupan. Hal ini disokong oleh Gardner dan Lambert (1972) serta Jamali Ismail (1992) yang menyatakan dalam pembelajaran bahasa, sikap dan motivasi adalah mempunyai kaitan rapat antara satu dengan lain. Jika pelajar mempunyai sikap yang positif dan tinggi maka tahap motivasinya akan berjaya menguasai dan begitu juga sebaliknya.

Di samping itu, murid-murid OAS juga mempunyai perasaan takut bertutur sama ada bahasa Melayu atau bahasa Semai dan tidak bermotivasi dalam pembelajaran. Keadaan ini merupakan satu cabaran awal kepada murid-murid OAS untuk meneruskan pengajian. Hal ini disokong dalam hipotesis faktor afektif (1981) yang menekankan peranan guru memainkan faktor utama untuk mendorong dan membalm pembelajaran. Guru perlu merancang dan menyusun aktiviti pengajaran mengikut kebolehan murid Orang Asli tersebut dapat memperolehi pengetahuan dan mencipta estetik yang bersesuaian dengan kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Penguasaan kosa kata bahasa Melayu murid-murid OAS masih lemah, iaitu berada pada Tahap Sangat Terbatas. Untuk menambah baik penguasaan kosa kata bahasa Melayu sokongan ibu bapa dan keluarga amat diperlukan. Sokongan daripada persekitaran terutama keluarga akan mengubah sikap dan tingkah laku murid-murid OAS dalam pembelajaran di sekolah. Dengan itu, sikap sendiri yang rendah dan sensitif membuatkan murid-murid OAS malu bertutur dalam bahasa Melayu dapat diatasi. Sikap inilah yang menjadi kekangan utama untuk mereka menunjukkan sikap positif dalam menerima pelajaran. Justeru amat penting bagi ibu bapa Orang Asli untuk membentuk aspirasi tinggi terhadap anak-anak mereka untuk hadir ke sekolah agar penguasaan bahasa kosa kata murid-murid OAS berada pada tahap penguasaan bahasa Melayu yang memuaskan. Berdasarkan temubual, murid-murid OAS ini gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik. Kelemahan dilihat jelas daripada aspek penguasaan golongan kata bahasa Melayu. Hanya sebahagian sahaja menguasai golongan kata tersebut. Oleh itu, kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan kosa kata murid-murid OAS masih berada di tahap yang lemah.

PENGHARGAAN

Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada Projek Penyelidikan GGP-2020-033

RUJUKAN

- Abd Hadi bin Kudin. 2010. Analisis Sintaksis Dalam Penulisan Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan Antara SK (Orang Asli), SJKT dan SJKC. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahim Abu dan Mohd Sharifudin Yusop. 2014. Sikap Kanak-kanak Orang Asli di Bandar Raya Kuala Lumpur Terhadap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4 (2): 57-66.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. 2011. Kanak-Kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1 (2): 59-70.
- Ahmed Hafizainol Ahmed Idris dan Karim Harun, 2020. Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu*, Isu (Khas). 457-477.
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Bahagian Perancangan dan Pendidikan Orang Asli. 2011. *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: JAKOA.
- Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun dan Rusydiah A. Salam. (2021). Pemerolehan Sintaksis Bahasa Melayu Dalam Kalangan Kanak-kanak Berusia Lima Tahun. *Jurnal Melayu*. 20 (2), 314-328.
- Colin Nicholas. 2000. *The Orang Asli and The Contest for Resource: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen. International Work Group for Indigenous Affair.
- Colin Nicholas. 2007. People First Orang Asli after 59 years of merdeka. Dimuatturun pada 10 Ogos 2009. <http://www.coac.org.my>
- Cook, V. (1991). *Second Language Learning and Language Teaching*. London, UK. Edward Arnold.
- Fathiyah Chapakia Bt Omar Chapakia. 2008. Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand: Kajian Kes di Sekolah Muslim Phatanasad. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Fazal Mohamaed Mohamed Sultan. 2009. Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Baleq. Syntactic Structure of Bateq's Noun Phrase. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9:47-61.
- Harimurti Kridalaksana. 1982. *Kamus Linguistik*. Edisi Keempat. Jakarta: Gramedia Pustaka Umum.
- Haslinda bt Tahir Shar, Lilia Halim, Zanaton bt Iksab. 2015. Kaedah Bermain Dalam Meningkatkan Minat Murid Orang Asli Terhadap Sains. The International Conference on Language, education and Innovation (Iclei). 91-103.
- JAKOA. 2009. *Data Maklumat Asas Orang Asli 2009*. Kuala Lumpur. Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan.
- JAKOA. 2014. *Data Maklumat Asas Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. 2006-2014*.
- JAKOA. 2016. *Data Maklumat Asas Orang Asli 2016*. Kuala Lumpur: Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Sosioekonomi, Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan.
- JAKOA. 2018. *Data Maklumat Asas Orang Asli 2018*. Kuala Lumpur. Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Sosioekonomi, Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan.

- Johari Talib & Nazri Muslim. 2007. Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah? *Jurnal Pengajian Umum* (8):51-76.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Laporan Awal Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia 2019. Modul Penataran Kerangka Standard Bahasa Melayu. Kuala Lumpur. Institut Pendidikan Kampus Bahasa Melayu.
- Krashen, S.D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford. Pergamon Press Inc.
- McIntosh, M. J & Morse, J. M. 2015. Situating and Constructing Diversity in Semi- Structured Interview. *Global Qualitative Nursing Research*, 2
- Mhd Amn Arsyad dan Vijayaletchumy Subramaniam. 2006. Pemerolehan Moroflogi dan Sintaksis Dalam Kalangan Kanak-kanak Melayu Pada Peringkat Menjelang Tatabahasa Dewasa. *Jurnal Bahasa*. 6 (4), 81-609.
- Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj Idris. 2012. Kualiti hidup orang asli: pengukuran melalui indeks kualiti hidup orang asli berwajaran. *AKADEMIKA*. 82 (1); 65-66.
- Nazariyah Sani. 2014. Merapatkan jurang literasi murid-murid Orang Asli: Apa cabarannya? *Jurnal Personalia Pelajar*. (17): 19-30.
- Nik Nur Azizah Nik Halman, Ramle Abdullah dan Norizan Mamat. 2018. Keciciran Pendidikan Di Peringkat Sekolah Rendah Dalam Kalangan Murid Orang Asli Hulu Terengganu. Prosiding Srminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiri Awam.
- Nik Safiah Karim Farid M.Onn, Hashim Haji Musadan Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga. Dewan Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, J.C. Platt, J. T., Weber, H & Candlin C. N. 1992. *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Essex: Longman.
- Saadiah Ma'alip. 2016. The Level of Language Proficiency of Orang Asli Che Wong in Malay Language: The Analysis of UPSR Examination Result. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 97-110.
- Shahidi, A.H & Rahim Aman. 2011. An acoustical study of English plosives in word initial position produced by Malays. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies* 17(2): 23-33.
- Shahidi, A.H., Rahim Aman & Ab Samad Kechot. 2012. Production and perception of English word final stops by Malay speakers. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(4), 1109–1125.
- Sharifah Md Nor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamaruddin Hj Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali & Jaimah Abdul Manaf. 2011. Prevention Initiatives for Malaysian Indigenous Orang Asli Children. *The International Journal on School Disaffection*. 8 (1): 42-56.
- Suki Mee. 2005. Pembangunan kaum minoriti orang asli Malaysia; peranan juru rancang Bandar. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Perancang Bandar dan Wilayah ke-23.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shahrudin Ahmad & Noraziah Ali. 2014. Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia ONLINE Malaysia Journal of Society and space* 10 (5): 107- 122.
- Zalizan Mohd Jelas & Abdul Razaq Ahmad. 2009. Perspektif historiografi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. *Masyarakat Orang Asli Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*, hlm. 1-18. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid, Karim Harun & Saadiah Ma'alip. 2000. Tahap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44 (1).

Zuraini Ramli. 2018. Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Tinta Bahasa*. Penerbit UPSI (69-91).

Biodata Penulis:

Karim Harun (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Keusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Psikolinguistik, Sejarah Linguistik dan Leksikografi.

Mohamad Hakimi Bin Mohammad Haidzir merupakan pelajar sarjana di Pusat Pengajian Bahasa, Keusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menjurus kepada bidang Psikolinguistik.

Maslida Yusof (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Keusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Semantik dan Pragmatik.